

SURAH MENGGULUNG



Surah: 81 Juzuk: 30 Bil. Ayat: 29

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
lagi Maha Mengasihani.*

1. Apabila matahari digulung (hilang).
2. Dan apabila bintang-bintang berjatuhan.
3. Dan apabila gunung-ganang dihancurkan.
4. Dan apabila unta-unta yang bunting ditinggalkan (terbiar).
5. Dan apabila binatang-binatang liar dihimpunkan.
6. Dan apabila lautan dipanaskan.
7. Dan apabila roh-roh dipertemukan (dengan tubuhnya).
8. Dan apabila bayi-bayi perempuan yang ditanam hidup-hidup itu ditanya.
9. Kerana dosa apa dia dibunuh?
10. Dan apabila catatan-catatan (amalan) dibentangkan.
11. Dan apabila langit dilenyapkan.
12. Dan apabila neraka Jahim dinyalakan.
13. Dan apabila syurga didekatkan.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِذَا الشَّمْسُ كُوِّرَتْ ①

وَإِذَا النُّجُومُ انْكَدَرَتْ ②

وَإِذَا الْجِبَالُ سُيِّرَتْ ③

وَإِذَا الْعِشَارُ عُطِّلَتْ ④

وَإِذَا الْوُحُوشُ حُشِرَتْ ⑤

وَإِذَا الْبِحَارُ سُجِّرَتْ ⑥

وَإِذَا النُّفُوسُ زُوِّجَتْ ⑦

وَإِذَا الْمَوْءُودَةُ سُئِلَتْ ⑧

بِأَيِّ ذَنْبٍ قُتِلَتْ ⑨

وَإِذَا الصُّحُفُ نُشِرَتْ ⑩

وَإِذَا السَّمَاءُ كُفِطَتْ ⑪

وَإِذَا الْجَحِيمُ سُعِرَتْ ⑫

وَإِذَا الْجَنَّةُ أُرْلِفَتْ ⑬

14. Setiap jiwa akan mengetahui apa yang telah dilakukannya.
15. Aku bersumpah demi bintang-bintang.
16. Yang beredar dan yang tetap pada tempatnya.
17. Demi malam apabila telah larut.
18. Dan demi subuh apabila fajar telah menyinsing.
19. Sesungguhnya (al-Quran) itu benar-benar firman Allah (yang dibawa oleh) utusan yang mulia (Jibril).
20. Yang memiliki kekuatan, lagi berkedudukan tinggi di sisi (Allah) yang memiliki Arasy.
21. Yang di sana (di alam malaikat) ditaati lagi dipercayai.
22. Dan sahabat kamu (Muhammad) itu bukanlah orang gila.
23. Dan sesungguhnya dia (Muhammad) telah melihatnya (Jibril) di ufuk yang terang.
24. Dan dia (Muhammad) bukanlah seorang yang kedekut untuk menyampaikan perkara yang ghaib.
25. Dan (al-Quran) itu bukanlah perkataan syaitan yang direjam.
26. Maka ke manakah kamu akan pergi?⁽¹⁾

عَلِمَتْ نَفْسٌ مَّا أَحْضَرَتْ ﴿١٤﴾

فَلَا أَقْسِمُ بِالْخَنَسِ ﴿١٥﴾

الْجَوَارِ الْكُنَّسِ ﴿١٦﴾

وَاللَّيْلِ إِذَا عَسَسَ ﴿١٧﴾

وَالصُّبْحِ إِذَا تَنَفَّسَ ﴿١٨﴾

إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ ﴿١٩﴾

ذِي قُوَّةٍ عِنْدَ ذِي الْعَرْشِ مَكِينٍ ﴿٢٠﴾

مُطَاعٍ ثَمَّ أَمِينٍ ﴿٢١﴾

وَمَا صَاحِبُكُمُ بِالْجَنُونِ ﴿٢٢﴾

وَلَقَدْ رَآهُ بِالْأُفُقِ الْمُبِينِ ﴿٢٣﴾

وَمَا هُوَ عَلَى الْعَيْبِ بِضَنِينٍ ﴿٢٤﴾

وَمَا هُوَ بِقَوْلِ شَيْطَانٍ رَجِيمٍ ﴿٢٥﴾

فَأَيْنَ تَذْهَبُونَ ﴿٢٦﴾

1 Sesudah diterangkan bahawa al-Quran itu datang daripada Allah, dan di dalamnya berisi pengajaran dan petunjuk yang memimpin manusia ke jalan yang lurus, ditanyakan kepada orang kafir itu: "Jalan manakah yang akan kamu tempuh lagi?"

27. (Al-Quran) itu tidak lain hanyalah peringatan bagi semesta alam.
28. (Iaitu) bagi sesiapa di antara kamu yang mahu menempuh jalan yang lurus (Islam).
29. Dan kamu tidak dapat menentukan kemahuan kamu (untuk menempuh jalan), kecuali apabila dikehendaki Allah, Tuhan Yang memelihara dan mentadbir semesta alam.

إِنَّ هُوَ إِلَّا ذِكْرٌ لِلْعَالَمِينَ ﴿٢٧﴾

لِمَنْ شَاءَ مِنْكُمْ أَنْ يَسْتَقِيمَ ﴿٢٨﴾

وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٢٩﴾

